

Bank digesa bantu ubah 'budaya'

SEKTOR bank disyorkan supaya membantu mengubah kebudayaan dalam syarikat berhad yang banyak bergantung kepada pengasas dan pemegang saham majoriti, bagi membentuk struktur pengurusan korporat yang benar-benar profesional.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sektor bank yang dibenarkan memiliki ekuiti dalam perniagaan yang bukan berasaskan perkhidmatan bank, perlu menggunakan kedudukan mereka dalam lembaga pengarah untuk memastikan tidak berlaku penguasaan yang boleh menghancurkan syarikat.

"Selagi kebudayaan syarikat berhad tidak diubah, besar kemungkinan syarikat itu akan menghadapi kehancuran apabila pengasasnya meninggal dunia," katanya sewaktu berucap di majlis makan malam anjuran Persatuan Bank-Bank Malaysia di Kuala Lumpur semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sejak kebangkitan ini banyak syarikat milik keluarga berusaha untuk terbabit dalam penyenaraian saham syarikat mereka.

Mereka menyedari bahawa penyenaraian adalah antara cara mudah mendapat tabung kewangan untuk meluaskan perniagaan.

Bagaimanapun, pengasas syarikat-syarikat itu enggan melepaskan pegangan peribadi mereka malah mahukan penguasaan majoriti.

Menurutnya walaupun langkah itu baik, na-

mun begitu, ia akan menjadi satu masalah pengurusan apabila pengasas berkenaan meninggal dunia.

Perdana Menteri berkata bagi mengatasi masalah itu, apa yang perlu dilakukan sekarang ialah menyediakan pengurus yang profesional, bertanggungjawab dan pemegang saham yang berpengetahuan luas.

Katanya kerajaan mengambil langkah tertentu bagi memastikan bank tidak dikuasai oleh kalangan kumpulan seperti itu.

Beliau berharap menerusi langkah menghadkan pegangan bank 20 peratus, kedudukan syarikat berkenaan akan lebih kukuh dan berkesan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pembabitan syarikat milik keluarga dalam kegiatan penyenaraian adalah baru tetapi tidak terlalu lewat bagi mereka berbuat demikian.

Perdana Menteri juga berkata bilangan syarikat baru yang berpotensi di negara ini untuk terbabit dalam penyenaraian juga bertambah.

Beliau berkata ini berlaku apabila syarikat berkenaan menyedari kecergasan harga pasaran saham masa kini.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan penyenaraian bukan satu jalan mudah untuk mendapat sumber modal meluaskan perniagaan tetapi hendaklah mengekalkan kekukuhan syarikat.

Beliau yakin kecergasan pasaran saham itu menunjukkan kecergasan ekonomi negara di samping berlakunya beberapa spekulasi.